

13 SEP 2002

MAHATHIR-PERNIAGAAN/I

KERAJAAN MESRA PERNIAGAAN TARIK PELABURAN ASING

ALOR SETAR, 13 Sept (Bernama) -- Dasar mesra perniagaan kerajaan yang terhasil daripada hubungan saling mempercayai dan rundingan dengan sektor swasta, telah membolehkan negara ini pesat membangun, dan menarik pelaburan langsung asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, berkata kerajaan sentiasa bersedia mendengar dan menyelesaikan masalah sektor swasta dengan mengadakan dialog dengan mereka.

Kerjasama rapat antara kerajaan dan pelabur asing telah menjadikan Malaysia sebagai tempat yang baik untuk melabur.

"Kita banyak memberikan mereka status perintis dan insentif-insentif lain," katanya di majlis perasmian kilang Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd (ACM) di kawasan perusahaan Bukit Kayu Hitam, kira-kira 50km dari sini.

Turut hadir di majlis itu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi ACM Datuk Syed Tamim Syed Mohamed.

Dr Mahathir berkata Malaysia merupakan negara yang aman di mana rakyat hidup dengan harmoni. Ia juga dianugerahkan dengan kestabilan politik, selain menjadi tempat yang selamat untuk pelawat dan pelabur asing.

Beliau turut memberi jaminan kepada syarikat dan pelabur lain bahawa kerajaan akan memberi komitmen dan kerjasama penuh untuk menjadikan pelaburan mereka di sini sebagai pilihan yang bijak.

"Kita tidak mengancam mereka dalam cara sekalipun. Mereka boleh menikmati persahabatan dan layanan rakyat tempatan kerana rakyat kita melayan orang asing sebagai tetamu mereka," katanya.

Perdana menteri berkata walaupun ACM memutuskan untuk menempatkan kilang mereka di Bukit Kayu Hitam yang jauh daripada Kuala Lumpur dan dekat dengan sempadan Thai, tempat ini adalah selamat.

Beliau turut berharap agar pelaburan syarikat itu berjaya. Mereka tidak akan menyesal mengadakan kilang mengeluarkan peralatan komponen untuk pesawat Boeing di sini, katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mencatat kemajuan dalam industri aeroangkasa daripada hanya mengeluarkan peralatan kecil dan kurang kritikal, beransur-ansur mengeluarkan komponen dan peralatan yang lebih besar untuk pesawat.

"Diharapkan, kita akan dapat saksikan sayap dan ekor pesawat dikeluarkan di Malaysia. Kita telah membina pusat-pusat latihan komponen kecil dan kita akan amat gembira dapat mengeluarkan peralatan dan komponen untuk Boeing dan syarikat-syarikat lain," katanya.

Kerajaan, katanya, lebih menumpu kepada menyediakan latihan dalam bidang berteknologi tinggi termasuk teknologi maklumat dan teknologi-teknologi baru dalam pembuatan komposit.

Teknologi komposit bukan sahaja digunakan dalam pesawat, tetapi dalam bot dan pelbagai komponen canggih lain, katanya. -- BERNAMA

SA HK MR JR